



**KAJIAN**

**MENGENAI PENTADBIRAN PENGURUSAN**

**HARTA BAITULMAL DAN WAQAF**

**NEGERI KELANTAN**

**1979 – 1989**

**KERTAS PROJEK**

**DIPLOMA KEHAKIMAN DAN PENTADBIRAN ISLAM**

**FAKULTI UNDANG-UNDANG**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA**

**PETALING JAYA**

**SELANGOR**

**OLEH**

**HAJI MUHAMMAD BIN WOOK**

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

PENGHARGAAN

BAB 1	:	<u>BAITULMAL</u>
	:	Pengenalan
1.1.	:	Takrif Baitulmal Dalam Islam
1.2.	:	Dalil-dalil Syarak
1.3.	:	Sejarah Baitulmal Dalam Islam
1.3.1.	:	Zaman Rasulullah s.a.w.
1.3.2.	:	Zaman Khulafa Al Rasyidin
1.3.3.	:	Zaman Kerajaan Bani Umayyah
1.3.4.	:	Zaman Kerajaan Bani Abbasiyah
1.4.	:	<u>Sumber-Sumber Baitulmal</u>
1.4.1.	:	Zakat
1.4.2.	:	Kharaj
1.4.3.	:	Jizyah
1.4.4.	:	Ushur
1.4.5.	:	Ghanimah dan Fai
BAB II	:	<u>PENTADBIRAN BAITULMAL NEGERI KELANTAN</u>
2.1.	:	Sejarah Ringkas Baitulmal Negeri Kelantan
2.2.	:	Sistem Pentadbiran Baitulmal Negeri Kelantan Cara dan Perlaksanaan
2.3.	:	Struktur Organisasi Baitulmal
2.3.1.	:	Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan
2.3.2.	:	Bahagian Kebajikan
2.3.3.	:	Bahagian Perancangan dan Pembangunan

- 2.4. : Sumber-Sumber pendapatan Baitulmal Negeri Kelantan
- 2.5. : Masalah dan Kesulitan Yang Dihadapi Oleh Baitulmal Negeri Kelantan
- BAB III : WAQAF
- 3.1. : Ta'rif Waqaf
- 3.2. : Dalil-Dalil Syara'
- 3.3. : Sejarah Waqaf dalam Islam
- 3.4. : Institusi Waqaf
- 3.4.1. : Rukun-Rukun Waqaf
- 3.4.2. : Syarat-Syarat Waqaf
- 3.5. : Syarat-Syarat Perlaksanaan Waqaf
- 3.6. : Jenis-Jenis Waqaf
- 3.7. : Pentadbiran Waqaf Negeri Kelantan
- 3.8. : Masalah-masalah Pentadbiran dan Pengurusan Harta-harta Waqaf Negeri Kelantan
- BAB IV : CADANGAN-CADANGAN
- : PENUTUP/KESIMPULAN
- : BIBLIOGRAFI

PENGHARGAAN

سُمْلَةُ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertamanya penulis ingin mengucapkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, rahmat dan hidayatNya telah memberi kekuatan kepada diri penulis dalam rangka menyiapkan sebuah penulisan ilmiah sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Seterusnya setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan buat semua tenaga pensyarah yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu pengetahuan yang tiada nilainya kepada diri penulis. Penulis menyerahkan segala-segalanya kepada Allah s.w.t. untuk membalas jasa baik mereka selama ini.

Di kesempatan ini juga penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sir Prof. Syed Agil Barakbah yang bertindak sebagai penyelia dalam menjalankan penulisan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan, moga-moga mendapat ganjaran dari Allah s.w.t.

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Unit EPS Pusat Penyelidikan Islam Pusat Islam, Perpustakaan Awam Kelantan kerana telah memberi kerjasama kepada penulis untuk mengumpul bahan dan menyiapkan kajian ini. Tak lupa juga kepada pihak Unit Baitulmal dan Waqaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu.

Tidak ketinggalan juga terima kasih saya tujukan kepada saudara En. Nuzihan Bin Zakaria, Pegawai Baitulmal dan Waqaf, Majlis Agama Islam Kelantan yang banyak memberi kerjasama untuk membantu serta mendapatkan bahan-bahan dan maklumat yang diperlukan.

Untuk akhirnya semoga kerja-kerja ini dapat memberi munafaat kepada semua pembaca. Yang baik itu datang dari Allah dan tidak baik itu timbul dari kelemahan saya sendiri.

Wassalam.

Saya Yang Ikhlas,

Haji Muhamad Bin Wook,  
97 Taman Baru Permai,  
Jalan Ipoh,  
Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا  
محمد أشرف الرسلين والمرسلين وعلى آله وآله واصحاته  
أجمعين

Dalam kertas projek ini penulis akan mengemukakan satu kajian mengenai tajuk "Pentadbiran Pengurusan Harta Baitulmal Dan Waqaf Negeri Kelantan 1979 - 1989. Kajian mengenai perkara ini dirasakan wajar oleh kerana bagi period tersebut analisa seumpama ini belum lagi dilaksanakan.

Pada dasarnya, harta itu adalah kepunyaan Allah s.w.t. dan manusia hanya merupakan pemegang amanah kepada harta atau kekayaan yang disediakan oleh Allah s.w.t. Islam juga menentukan supaya harta kekayaan ini dinikmati oleh sekalian makhluk termasuk yang berupaya mencari dan yang tidak berupaya mengumpulkannya. Oleh itu ada sumber-sumber harta yang boleh dimiliki umum. Maka Baitulmal yang berfungsi untuk menyelenggarakan harta-harta umum. Sebaliknya, waqaf merupakan institusi yang menyelenggarakan harga yang diserahkan oleh individu kepada Allah s.w.t. Oleh itu ia tidak semestinya dapat dicapai jika dikendalikan oleh individu atau kumpulan tertentu.

Bab pertama, penulis akan menjelaskan serta ringkas mengenai takrif Baitulmal, dalil-dalil syarak sebagai sandaran, sejarah perkembangan Baitulmal dan disusuli dengan penjelasan sumber-sumber Baitulmal.

Dalam bab kedua, perbincangan disempitkan kepada kajian pentadbiran Baitulmal di Negeri Kelantan dari sudut pentadbiran organisasi, sumber-sumber am Baitulmal serta beberapa permasalahan yang timbul.

Bagi bab ketiga, selanjutnya perincian diberikan kepada kajian mengenai sumber utama pengurusan harta Baitulmal dari institusi Waqf dan masalah pentadbirannya di Negeri Kelantan.

Bagi bab keempat, penulis menjelaskan maklumat-maklumat dan datar-datar hasil dari kajian dan soalselidik dari pegawai-pegawai yang terlibat dengannya.

Di akhir kajian, penulis akan mengenumakan beberapa cadangan-cadangan dan resolosi-resolosi untuk pertimbangan pihak yang berwajib bagi memperbaiki sistem pentadbiran Baitulmal dan Waqaf di Negeri Kelantan.

#### Tujuan Kajian

Kajian ilmiah ini ditulis bagi memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Pemilihan tajuk ini adalah sebagai asas untuk mengenal pasti serta perbezaan pengurusan Baitulmal dan Waqaf di Negeri Kelantan dengan Negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini juga dapat menggambarkan bahawa sejauh manakah perbezaan pengurusan harta Baitulmal dan Waqaf di zaman-zaman awalan Islam dahulu.

### Latar Belakang Kajian

Di dalam menyiapkan kajian ini penulis telah banyak merujuk buku-buku, kitab-kitab, artikal-artikal, lapuran-lapuran tahunan dan kertas-kertas seminar dandasar yang berkenaan dengan Baitulmal dan Waqaf. Antara buku-buku teks yang menjadi rujukan ialah Kitabu Al Sunnah oleh Syed Sabiq, Muhgni Muhtaj oleh Muhamad Al Syarbini Al Khatib, Al Fiqhul Islami Wa Adillatuh oleh Wahbah Al Zuhaili dan Al Ahkau Al Sultaniah oleh Al Mawaardi. Bagi rujukan pentadbiran ialah Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 1966, Lapuran Tahunan Majlis Agama Islam dan Lapuran Unit Baitulmal dan Waqaf.

### Bidang Kajian

Secara umumnya kajian ini ditujukan kepada falsafah dan konsep pentadbiran dan pengurusan harta Baitulmal mengenai sebuah institusi ekonomi Islam dari segi wang keluar masuk pengurusan perlaksanaan serta perbelanjannya. Begitu juga cara-cara mendapatkan sumber-sumber am bagi membolehkan sebagai harga Baitulmal.

### Methodologi Kajian

Method penyelidikan perpustakaan yang dilakukan di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam, Cawangan Pusat Penyelidikan Islam, Pusat Islam dan Baitulmal dan Waqaf Majlis Agama Islam Kelantan.

## BAB I

### BAITULMAL

#### PENGENALAN

Baitulmal adalah merupakan sebuah institusi kewangan dalam Islam yang memainkan peranan penting bagi Kemajuan dan Pembangunan Umat Islam. Ia bolehlah dianggap sebagai Perbendaharaan Negara dimana segala perkara yang berhubung dengan soal-soal kewangan sebuah negara. Kemasukan dan perbelanjaanya dirancang dan diuruskan untuk kepentingan rakyat dan negara.

#### 1.1. PENGERTIAN BAITULMAL DALAM ISLAM

Baitulmal adalah satu perkataan Arab yang bererti rumah kewangan dan harta benda. Di dalam Islam boleh ditafsirkan dengan tabong simpanan harta benda dan kewangan negara. Suatu diwan, buku-buku kewangan negara. Dijelaskan oleh Al Mawardi <sup>1</sup>:

دِيْوَانُ الْإِسْتِيْنَاءِ وَجَمَاهِيَّةِ الْأَمْوَالِ

" Tempat merekod pengumpulan atau pembayaran harta benda"

Di segi bahasa ialah "Gedung Harta". Dalam pengertian istilahnya pula ialah merupakan "Khazanah Umum" bagi sesebuah negara Islam dimana segala hasil mahsul negara terkumpul <sup>2</sup>.

Maksunya:

Dia telah menciptakan kamu dari (tanah) dan menjadikan kamu pemakmuranya.

Dan ayat 13 dalam Surah Al Jathiyah<sup>5</sup>

وَسْخِّرْكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
جَمِيعاً

Bermaksud:

Dan Dialah menundukkan untuk kamu apa yang ada di langit dan apa yang dibumi semuanya (sebagai rahmat) daripadaNya.

Pembangunan ekonomi oleh manusia hendaklah diselaraskan dengan perintah dan larangan yang ditentukan Allah, untuk menjamin hal tersebut supaya tidak berlaku penindasan dan penyelewengan serta pembahagian kekayaan yang tidak wajar, maka institusi kewangan seperti Baitulmal perlu diwujudkan. Oleh itu penubuhannya adalah diharuskan oleh Islam kerana ia tidak terkeluar dari batas dan landasan Islam demi kemaslahatan dan kesejahteraan umum.

### 1.3. SEJARAH BAITULMAL DALAM ISLAM

#### 1.3.1. Zaman Rasullah s.w.a.

Negara Islam pada peringkat awal kebangkitannya tidak memerlukan kepada Baitulmal bagi merekod wang keluar masuk negara. Ini adalah disebabkan kewangan negara pada ketika itu terbatas, tidak melebihi harta-harta

rampasan perang, zakat-zakat, jizyah (cukai kepala) dan segala apa yang terkumpul terus dibelanjakan pada perkara-perkara yang ditentukan oleh Allah s.w.t. berdasarkan Al Quran pada ketika itu tanpa ditangguhkan.

Abu Ubaid Al Qasim meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mahu menyimpan wang padanya, malah tidak membenarkan wang kekal bersama dengannya, ertiya apabila wang-wang itu tiba padanya waktu pagi, wang itu dibahagi-bahagikan kepada yang berhak sebelum gelincir matahari dan jika datang waktu Isyak, wang itu dibahagi-bahagikan tanpa dibiarkan tinggal bermalam dengannya.

#### 1.3.2. Zaman Khulafa Al Rashidin

Apabila sumber kewangan Negara Islam bertambah banyak di zaman Sayidina Abu Bakar r.a. beliau telah menubuhkan Baitulmal serta melantik Abu-Ubaidah Al Jarrah sebagai pemegang amanah Negara Islam untuk menjaga dan mentadbirkannya. Apabila Sayidina Umar r.a. menakluki negeri-negeri Syam, Iraq dan Mesir maka sumber kewangan dan harta benda negara bertambah banyak, hasil pungutan dari berbagai sumber, maka pentadbiran Baitulmal terpaksa disusun lebih rapi dengan mencontohi Baitulmal dari negara-negara jiran yang dianggap baik dan teratur dengan tujuan untuk

merekod wang-wang negara, tugas-tugas para pekerja serta menentu hak-hak dan habuan mereka.

Dengan ini Saidina Umar r.a. telah mewujudkan diwan (pejabat) bagi merekod wang-wang keluar masuk, mereka yang berhak menerima wang Baitulmal serta kadarnya dan juga merekod waktu-waktu penyerahannya kepada mereka. Baitulmal negara Islam ditubuhkan sebagai tempat bagi mengawal apa yang baki dari wang kemasukan supaya ianya dapat dibelanjakan pada tempat-tempat yang ditentukan pada masa timbulnya keperluan dan menghadapi masalah. Dijelaskan di dalam Al Ahkamu Al Sutaniah, Al Mawardi<sup>6</sup>.

Kewangan negara Islam pada masa pemerintahan Al Khulafa Al Rashidin adalah dalam keadaan yang memuaskan. Ini disebabkan wang kemasukan bertambah banyak dan dibelanjakan dengan cukup cermat. Sebagai contoh, ialah mengenai Khalifah Umar Ibni Al Khattab r.a. dimana beliau sedang berbual dengan sahabatnya di waktu malam.

Pada masa mereka sedang berbual itu, tiba-tiba Umar memadam lampu yang dipasangnya, lalu sahabatnya bertanyakan beliau, mengapa tuan memadam lampu itu, jawabnya pada permulaan kita berbual tadi adalah mengenai masalah-masalah dan urusan-urusan rakyat jelata (pada masa itu kita boleh menggunakan lampu orang Islam dengan menggunakan harta Baitulmal). Tetapi sekarang kita berbual mengenai hal-hal mengenai kita sendiri. Oleh itu kita tidak harus menggunakan harta Baitulmal.

Pada masa ini gaji pekerja-pekerja dan Gabbor-gabnor tidak melebihi dari kadar yang mencukupi dan terhadap (hidup mereka secara orang Arab Badwi) yang mencukupi dengan sedikit perbelanjaan. Manakala Khalifah sediri sedang membersihkan diri mereka daripada harta-harta orang Islam.

Pemerintah Islam ketika itu adalah orang kuat berpegang dengan agama. Mereka sangat berhati-hati di dalam membelanjakan wang negara dan mereka tidak membelanjakan wang yang terkumpul selain daripada masalah-masalah umum.

Dengan memungut wang negara dan membelanjakannya dengan cermat dan berhati-hati, maka kedudukan dan keadaan kewangan negara adalah sangat baik dan tidak memberati orang ramai dengan cukai yang tidak disyarakkan dan membebankan dengan hutang piutang.

#### 1.3.3. Zaman Kerajaan Bagi Umaiyyah

Pada masa Kerajaan Bani Umaiyyah, fitnah tercetus di kalangan Umat Islam dan orang ramai berpecah belah kepada pihak-pihak dan parti-parti. Maka kedudukan mereka berubah dari kehidupan secara terhad kepada kehidupan berperkan atau bandar. Pemerintahan secara berkhalifah kepada beraja atau sultan.

Pada masa itu khalifah-khalifah, pemerintah-pemerintah dan gabnor-gabnor mula berbelanja dengan boros sehingga apabila mereka dapati sumber kewangan yang disyarakkan tidak mencukupi untuk memuaskan tengok mereka yang kebuluran itu.

Maka terpaksalah mereka melakukan kezaliman dan kekerasan di dalam memungut wang-wang dengan cara tidak syarie dan mengenakan orang ramai dengan cara yang berat. Mereka menambahkan pungutan kharaj (cukai tanah) dan jizyah (cukai kepala) walaupun pungutan yang berlebihan ini bertentangan dengan perjanjian yang telah dibuat disamping itu mereka mengenakan juga kharaj (cukai tanah) dari tanah usang yang tidak iusahakan. Mereka menfardhukan keatas kafir-kafir Dzimmi di hari perayaan "Al Niruz". Mereka mengenakan ke atas kapal-kapal yang berlayar.

Dalam keadaan mereka mengenakan berbagai-bagai cukai, mereka menggunakan kekerasan bagi mendapatkannya. Segala-gala yang dilakukan ini tidaklah dapat menjaga kestabilan kewangan negara. Malahan membawa kepada timbulnya kebencian orang ramai. Pihak yang menentang negara mengambil kesempatan untuk membuat dakyah-dakyah,

kerana masalah-masalah umum dimansuhkan (hapuskan) dan pemilik-pemilik harta terpaksa menanggung beban cukai yang berat 7.

#### 1.3.4. Zaman Kerajaan Bani Abbasiyah

Setelah pemerintan Islam Kerajaan Bani Abbasiyah mulai berkuasa, maka tugas utama bagi mereka ialah menarik hati-hati rakyat supaya menyayangi mereka. Caranya ialah menghapuskan kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Bani Umaiyyah dan menghilangkan punca-punca pergaduhan disebabkan pentadbiran mereka. Mereka menitik beratkan kepada masalah-masalah yang dihadapi. Masalah kewangan dan mengemas kinikan cara-cara pungutannya supaya tidak timbulnya kezaliman dalam soal-soal ini.

Dengan ini kedudukan negara dan pentadbirannya menjadi teratur dan baik khususnya kedudukan kewangan, malahan pada masa pemerintahan Khalifah Harun Al Rashid, beliau telah melantik Abu Yusuf (Qadzinya) supaya mengadakan suatu sistem syarie yang

adil untuk digunakan bagi memungut kharaj (cukai tanah), al ushur, sedekah-sedekah tanpa ada kezaliman keatas pemilik-pemilik dan tidak menimbulkan masalah-masalah umum.

Oleh itu beliau telah menyusun satu buku dinamakan "Kitabul Kharaj". Kitab ini sangat bernilai dimana beliau telah menghimpun berbagai-bagai sumber kewangan negara Islam, cara-cara pungutannya dan tempat-tempat yang dibelanjakannya (dengan gaya - bahasa yang kemas dan rapi) serta ditambahkan dengan nasihat-nasihat dan pandangan-pandangan sebagai panduan yang betul di dalam mentadbirkan kewangan negara.

Khalifah Harun Al Rashid telah berpandukan kepada kitab ini bagi menendalikan kewangan negara sehingga hasil kekayaan negara menjadi bertambah baik.

#### 1.4. SUMBER-SUMBER BAITULMAL

Baitulmal merupakan tempat menyimpan harta negara sebelum dikeluarkan sebagai perbelanjaan kepada rakyat yang berhak. Pendapatan negara yang disimpan dalam Baitulmal melalui

*kharaj, al ushur, ghaibah.*

zakat, kharaj, jizyah, ushur, ghanimah dan sebagainya.

#### 1.4.1. Zakat

Zakat ialah apa yang dikeluarkan oleh manusia dari hak Allah kepada yang berhak menerimanya.

Ia dinamakan 'zakat' kerana terdapat di dalamnya unsur-unsur menyucikan diri serta membersihkan harta dan menyuburkannya.<sup>8</sup>

#### Hukum Berzakat

Zakat adalah satu dari rukun Islam yang lima. Ia difardukan untuk membersih dan menyuburkan harta serta menjaga kehidupan orang-orang Islam yang memerlukannya.

Tujuannya ialah bagi melindungi mereka dari kehinaan dan kemiskinan yang meminta belas kasihan dari orang lain. Zakat merupakan hak masyarakat ke atas harta orang Islam dan bukan merupakan pemberian dari mereka. Zakat wajib dikeluarkan berdasarkan Al Quran, Al Sunnah dan Ijma' Ulama'. Ia merupakan "Fardhu Ain" ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya.

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah s.w.t. telah memfardhukan ke atas mereka sedekah (zakat) diambil dari orang kaya lalu diberi kepada fakir miskin mereka.

#### Harta-Harta Yang Diwajibkan Zakat

Syarik telah menentukan jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat. Diantaranya ialah emas, perak, tanaman, buah-buahan, barang-barang perniagaan, binatang ternakan, logam dan rikaz.

#### Zakat Emas Dan Perak

Al Quran telah menerangkan yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يَكْنِرُونَ الْزَّهْبَ وَالْأَرْضَةَ وَلَا يُنفِرُونَ  
هُنَّ فِي سَبِيلِ الْقَوْمٍ فَمَنْ نَعْلَمُ بِهِ أَلْيَمْ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang menyimpan emas perak dan mereka tidak membelanjakan-nya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan seksa yang amat pedih.

### Zakat Tanaman Dan Buah-Buahan

Firman Allah:

كُلُّ مَا مَنَّتْرِدُ إِذَا أَمْرَرْتُ لِأَنْوَاعِهِ  
نَرِدْ . . . . .  
الرَّسُولُ ١٤١

Maksudnya:

Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah  
dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada  
hari memetik atau tuainya.

### Pendapatan Dari Perniagaan Dan Perusahaan

إِنَّمَا الْمُنْهَاجُ عَلَىٰ أَنْ تَعْمَلُوا  
بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ  
الْأَنْجَوْنَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, belanja-  
kanlah (pada jalan Allah) sebahagian  
dari hasil usaha kamu yang baik-baik.

### Logam Dan Sebagainya

وَ اَمْرَرْتُ لِأَنْوَاعِهِ مَمْ سَرِرَدْ  
الْبَعْرَقْ . . . . .

Maksudnya:

Dan sebahagian dari apa yang kami  
keluarkan dari bumi untuk kamu.

Golongan Yang Berhak Menerima Zakat

Firman Allah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفَقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَابِدِينَ  
عَبْرَهُ وَالْمَرْأَةِ قَلْوَبُهُمْ وَيَرَوْنَ الرِّفَانَ  
وَالْعَارِفِينَ وَيَرَوْنَ سَبِيلَ اللَّهِ وَابْنَ لَهِبَّى  
خَرِصَّتْ اللَّهُ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكْمٌ

التربية 60

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah (zakat) untuk  
orang-orang fakir dan miskin, para amil  
orang-orang yang baru memeluk Agama Islam  
hamba-hamba mukatab, orang-orang berhutang  
pada jalan Allah dan orang-orang yang ter-  
lantar di perantauan adalah suatu fardhu

Allah. Allah Maha Mengetahui Lagi  
bijaksana.

#### 1.4.2. Kharaj

Kharaj ialah cukai tanah yang dikenakan atas pemilik-pemilik tanah bukan Islam. Pada hasil tanah orang Islam dikenakan ushur.

#### Dalil-Dalil Dari Kharaj

Sabda Rasulullah s.a.w.

Maksudnya:

Bahkan kamu meminta kepada mereka  
sesuatu hasil (upah) maka hasil dari  
Tuhanmu adalah baik.

Adapun kharaj yang dikenakan oleh Sayidina Umar r.a. atas harta tanah yang dimiliki oleh orang-orang bukan Islam yang terletak di kawasan Kota Iraq.

Atas dasar inilah kharaj terus dikenakan ke atas harta tanah milik orang-orang bukan Islam.

#### 1.4.3. Jizyah

Jizyah ialah cukai kepala atau cukai perlindungan yang dikenakan kepada orang bukan Islam. Dengan membayar jizyah orang-orang bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam dijamin keselamatan dan perlindungan harta dan keluarga mereka.

"

#### Dalil Wajib Dari Jizyah

فَإِنْلَوْا لَذِي لِرَبِّهِمْ سَالِكَهُ وَالْيَوْمَ  
الْأَمْرُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ مَا صَرَحَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ  
وَلَرْ بَدِيبُونَ دِينَ الْفَقِيرِ لِذِي لِرَبِّهِمْ رَأَوْنَاهُ  
الْكَفَّارُ حَتَّىٰ يَعْصِمُوا الْجَنَاحَ عَنْ يَدِ رَبِّهِمْ  
صَعْدَرٌ

التَّوْرِيقُ ۲۷

Maksudnya:

Perangilah orang yang tidak beriman  
kepada Hari Akhirat dan tidak meng-  
haramkan apa yang di haramkan oleh

#### 1.4.5. Ghanimah (Harta Rampasan)

Ghanimah ialah harta rampasan yang didapati di dalam perang dengan orang-orang kafir dimana semua harta orang-orang kafir itu yang telah ditinggal dan dirampas, hendaklah dibahagikan kepada lima bahagian. Satu daripada bahagian itu akan dibahagikan lima bahagian pula, iaitu mengikut lima kumpulan yang berhak menerima harta itu.

#### Dalilnya

Firman Allah s.w.t.

وَلَمْ يَرُوا إِنَّا هَبَّنَا مِنْهُنَّ فَارِسَةً  
حَسَنَةً وَلَدَرْسَلَةً وَلَذَكَ الْقَرْبَى  
وَالسَّيْئَةَ وَالْمُنْكَرَةَ وَإِنَّا السَّمِيرَى

سورة الإعلان ٤٠

Maksudnya:

Ketahuilah, sesungguhnya apa yang kamu perolehi sebagai harta rampasan perang.